



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS PENERAPAN NILAI UNIVERSAL *CEYYUL* MELALUI BUKU TEKS BAHASA TAMIL SEKOLAH MENENGAH

PUVANESWARI A/P MALAYANDY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ANALISIS PENERAPAN NILAI UNIVERSAL
CEYYUL MELALUI BUKU TEKS BAHASA
TAMIL SEKOLAH MENENGAH

PUVANESWARI A/P MALAYANDY

LAPORAN KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA TAMIL
(MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2025



Sila tanda (v)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 23 December 2025

i. Perakuan pelajar :

Saya, **PUVANESWARI A/P MALAYANDY, M20241000397, FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI** dengan ini mengaku bahawa disertasi **SARJANA PENDIDIKAN BAHASA TAMIL** yang bertajuk **ANALISIS PENERAPAN NILAI UNIVERSAL CEYYUL MELALUI BUKU TEKS BAHASA TAMIL SEKOLAH MENENGAH** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. KARTHEGES A/L PONNIAH** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Analisis Penerapan NILAI UNIVERSAL CEYYUL MELALUI BUKU TEKS BAHASA TAMIL SEKOLAH MENENGAH** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN BAHASA TAMIL**.

26.12.2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROF. MADYA DR. KARTHEGES PONNIAH
Jabatan Bahasa Moden
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **ANALISIS PENERAPAN NILAI UNIVERSAL CEYYUL
MELALUI BUKU TEKS BAHASA
TAMIL SEKOLAH MENENGAH**

No. Matrik / Matric's No.: **M20241000397**

Saya / I: **PUVANESWARI A/P MALAYANDY**

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat - syarat kegunaan seperti berikut:-

Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan salinan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD**.
The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. /
Contains confidential information under the Official Secret Act 1972


☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: **26.12.2025**

 **PROF. MADYA DR. KARTHEGES PONNIAH**
Jabatan Bahasa Moden
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Penghargaan ini ditujukan dengan penuh rasa terima kasih kepada semua yang telah menyokong perjalanan akademik saya. Setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia **Dr. Karthees a/l Ponniah** atas bimbingan dan nasihat yang bernilai, fakulti bahasa dan komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris atas kemudahan dan sokongan akademik, rakan penyelidik serta sahabat seperjuangan atas semangat dan idea, serta keluarga tercinta atas kasih, doa dan dorongan yang tidak pernah putus. Tidak dilupakan ibu saya **Panjalai Murugasu** dan bapa saya **Malayandy Ramalingam** yang sentiasa menjadi sumber kekuatan, teladan, dan inspirasi dalam setiap langkah kehidupan. Suami saya **Sasitharan Thonkamani** yang setia memberikan sokongan, dorongan, dan pengorbanan tanpa mengenal penat, menjadi tiang semangat dalam perjalanan akademik ini. Anak-anak saya yang tersayang, **Tamiliniyaa Sasitharan** dan **Tarun Sasitharan**, yang menjadi cahaya mata dan sumber motivasi setiap hari, telah menghadihkan saya kekuatan untuk terus berusaha walaupun berdepan cabaran. Kehadiran mereka mengingatkan saya bahawa ilmu dan usaha ini bukan hanya untuk diri sendiri, tetapi juga untuk masa depan mereka. Tidak ketinggalan saudara-saudara yang sentiasa mendoakan, menyemarakkan semangat, dan memberikan dorongan moral yang tidak ternilai. Kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, penghargaan ini ditulis dengan hati yang tulus dan penuh rasa syukur.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis penerapan nilai universal melalui komponen Ceyyul dalam buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah di Malaysia dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Nilai universal seperti hormat, tanggungjawab, kejujuran, empati dan kerjasama merupakan asas penting dalam pembentukan sahsiah pelajar, selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan serta Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Walaupun Ceyyul telah dimasukkan sebagai komponen sastera dalam buku teks, keberkesanan penerapan nilai masih dipersoalkan kerana pengajaran sering menekankan aspek kefahaman literal berbanding penghayatan moral yang tersirat. Melalui analisis kandungan, kajian ini mengenal pasti nilai universal yang terkandung dalam Ceyyul serta meneliti bentuk penerapannya dalam buku teks Bahasa Tamil. Kaedah ini membolehkan penyelidikan dilakukan secara sistematik dengan meneliti teks, mesej moral, imejan alam dan simbolisme yang digunakan dalam puisi klasik Tamil. Analisis kandungan turut menilai sejauh mana nilai universal disampaikan secara eksplisit atau tersirat, serta bagaimana ia dapat dihubungkan dengan kehidupan pelajar dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia. Dapatan kajian diharap dapat memberikan gambaran jelas tentang kekuatan dan kelemahan penerapan nilai universal melalui buku teks, sekali gus menyumbang kepada strategi pengajaran yang lebih berkesan. Kajian ini bukan sahaja memperkayakan literatur akademik dalam bidang pendidikan Bahasa Tamil dan pendidikan nilai, tetapi juga menyokong usaha pembangunan modal insan yang beretika, seimbang dan berdaya saing di peringkat global.



ANALYSIS OF THE APPLICATION OF UNIVERSAL VALUES THROUGH CEYYUL IN SECONDARY SCHOOL TAMIL TEXTBOOKS

ABSTRACT

This study aims to analyze the application of universal values through the Ceyyul component in Tamil language textbooks for Malaysian secondary schools by employing content analysis. Universal values such as respect, responsibility, honesty, empathy, and cooperation are fundamental in shaping students' character, in line with the aspirations of the National Education Philosophy and the Secondary School Standard Curriculum (KSSM). Although Ceyyul has been included as a literary component in the textbooks, the effectiveness of value integration remains questionable, as teaching often emphasizes literal comprehension rather than the moral appreciation embedded within. Through content analysis, this study identifies the universal values contained in Ceyyul and examines the forms of their application in Tamil language textbooks. This method enables a systematic investigation of texts, moral messages, natural imagery, and symbolism employed in classical Tamil poetry. Content analysis further evaluates the extent to which universal values are conveyed explicitly or implicitly, and how they can be connected to students' lives within Malaysia's multicultural context. The findings are expected to provide a clear understanding of the strengths and weaknesses of universal value integration through textbooks, thereby contributing to more effective teaching strategies. This study not only enriches academic literature in Tamil language education and value education but also supports the development of human capital that is ethical, balanced, and globally competitive.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.2.1 Kepentingan Nilai Universal	2
1.2.2 Penerapan Nilai Universal dalam PdP di Sekolah	5
1.2.3 Ceyyul Mozhiyani dalam DSKP Bahasa Tamil	6
1.2.4 Penggunaan Buku Teks Bahasa Tamil sebagai Medium Pendidikan Nilai	8
1.2.5 Hubungan Ceyyul dengan Nilai Universal	12
1.3 Pernyataan Masalah	15
1.4 Objektif Kajian	17
1.5 Persoalan Kajian	17
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	18
1.7 Kepentingan Kajian	20



1.8 Batasan Kajian	21
1.9 Sumber Kajian	27
1.10 Definisi Istilah	28
1.11 Rumusan	31

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan	32
2.2 Kepentingan Nilai Universal dalam Pendidikan	33
2.3 Kepentingan Ceyyul dalam Pendidikan Bahasa Tamil	37
2.4 Strategi Pengajaran Nilai Universal melalui Buku Teks	39
2.5 Buku Teks Bahasa Tamil	42
2.6 Teori-teori Relevan dalam Penerapan Nilai Universal melalui Ceyyul dalam Buku Teks Bahasa Tamil	43
2.7 Rumusan	45

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	46
3.2 Reka Bentuk Kajian	47
3.3 Instrumen Kajian	47
3.4 Kaedah Pengumpulan Data	50
3.5 Kaedah Analisis Data	51
3.6 Pertimbangan Etika	52
3.7 Rumusan	53

BAB 4 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pendahuluan	54
4.2 Dapatan Kajian Mengikut Objektif Pertama: Nilai- Nilai yang Terdapat dalam <i>Ceyyul</i>	55
4.2.1 Analisis <i>Ceyyul Muthurai</i> Tingkatan 1	56
4.2.2 Analisis <i>Ceyyul Thirumurai</i> Tingkatan 1	58
4.2.3 Analisis <i>Ceyyul Naaladiyaar</i> Tingkatan 2	61

4.2.4 Analisis <i>Ceyyul Naalaayirath Thivyappirapantham</i> Tingkatan 2	63
4.2.5 Analisis <i>Ceyyul Aranericchaaram</i> Tingkatan 3	66
4.2.6 Analisis <i>Ceyyul Thiruvardupaa</i> Tingkatan 3	68
4.2.7 Analisis <i>Ceyyul Vivehgha Sinthamani</i> Tingkatan 4	71
4.2.8 Analisis <i>Ceyyul Nalavenpaa</i> Tingkatan 4	73
4.2.9 Analisis <i>Ceyyul Kurunthogai</i> Tingkatan 4	76
4.2.10 Analisis <i>Ceyyul Silapathigaaram</i> Tingkatan 4	80
4.2.11 Analisis <i>Ceyyul Kamba Ramayanam</i> Tingkatan 5	83
4.2.12 Analisis <i>Ceyyul Puranaanooru</i> Tingkatan 5	87
4.2.13 Analisis <i>Ceyyul Tholkaapiyam</i> Tingkatan 5	91
4.2.14 Analisis Keseluruhan	94
4.3 Dapatan Kajian Mengikut Objektif Kedua: Menganalisis cara penerapan nilai-nilai melalui pendekatan <i>Ceyyul</i> dalam Buku teks sekolah menengah.	97
4.3.1 Buku Teks Bahasa Tamil Tingkatan 1	97
4.3.2 Buku Teks Bahasa Tamil Tingkatan 2	101
4.3.3 Buku Teks Bahasa Tamil Tingkatan 3	103
4.3.4 Buku Teks Bahasa Tamil Tingkatan 4	106
4.3.5 Buku Teks Bahasa Tamil Tingkatan 5	111
4.4 Rumusan	117

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	118
5.2 Perbincangan Dapatan Kajian	119
5.2.1 Perbincangan Nilai-Nilai Murni yang Terkandung dalam <i>Ceyyul</i>	119
5.2.2 Perbincangan Cara Penerapan Nilai Murni Melalui Pengajaran <i>Ceyyul</i>	120
5.3 Kesimpulan Kajian	125

5.4 Cadangan untuk Kajian Lanjutan	128
5.5 Rumusan	130
Rujukan	132

**SENARAI JADUAL****No. Jadual****Muka Surat**

1.1	Senarai Ceyyul DSKP KSSM	22
1.2	18 Nilai Universal Pendidikan Moral KSSM	26
3.1	Senarai Semak Nilai Universal	48
4.1	Senarai Nilai dalam Ceyyul Muthurai	57
4.2	Senarai Nilai dalam Ceyyul Thirumurai	60
4.3	Senarai Nilai dalam Ceyyul Naaladiyar	62
4.4	Senarai Nilai dalam Ceyyul Naalaayirath Thivyappirapantham	64
4.5	Senarai Nilai dalam Ceyyul Aranericchaaram	67
4.6	Senarai Nilai dalam Ceyyul Thiruvardpaa	69
4.7	Senarai Nilai dalam Ceyyul Vivehgha Sinthamani	72
4.8	Senarai Nilai dalam Ceyyul Nalavenpaa	75
4.9	Senarai Nilai dalam Ceyyul Kurunthogai	78
4.10	Senarai Nilai dalam Ceyyul Silapathigaaram	81
4.11	Senarai Nilai dalam Ceyyul Kamba Raamayanam	85
4.12	Senarai Nilai dalam Ceyyul Puranaanooru	89
4.13	Senarai Nilai dalam Ceyyul Tholkaapiyam	93
4.14	Analisis Keseluruhan Nilai Universal yang Terkandung dalam 13 Ceyyul	94



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1	Komponen Utama Buku Teks Bahasa Tamil
1.2	Kerangka Konseptual Kajian Analisis Penerapan Nilai Universal Ceyyul Melalui Buku Teks Bahasa Tamil Sekolah Menengah
	9 19



SENARAI SINGKATAN

UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
PAI	Pendidikan Agama Islam
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
NM	Nilai Murni
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi



BAB 1

PENGENALAN

Kajian ini berfokus kepada analisis penerapan nilai universal yang terdapat dalam *Ceyyul* buku teks sekolah menengah. Bab 1 memberi penjelasan tentang latar belakang yang mendorong kepada penyelidikan dan pernyataan masalah mengenai pasti isu spesifik. Bab ini juga membincangkan objektif kajian dan persoalan kajian membentuk hala tuju kajian. Pengkaji juga membincangkan tentang kerangka kajian, batasan kajian, kepentingan kajian, dan definisi operasional. Kesimpulannya, kajian ini diharapkan dapat mencapai objektif dan menjawab persoalan yang ditetapkan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pendidikan nilai merupakan aspek penting dalam pembentukan sahsiah pelajar di sekolah menengah. Dalam konteks Malaysia, usaha memperkukuh nilai sejagat sering digabungkan dengan pengajaran bahasa dan kesusasteraan, termasuk teks klasik Tamil seperti *Ceyyul*. Teks ini bukan sahaja berfungsi sebagai bahan pembelajaran bahasa, tetapi juga sebagai medium untuk menyampaikan nilai moral, budaya, dan kemanusiaan. Walau bagaimanapun, kajian mendalam tentang bagaimana nilai sejagat diintegrasikan dalam buku teks Bahasa Tamil masih terhad. Justeru, kajian ini dijalankan untuk meneliti peranan *Ceyyul* dalam menyampaikan nilai sejagat kepada pelajar, serta menilai keberkesanannya dalam konteks pendidikan di sekolah menengah Malaysia.

1.2.1 Kepentingan Nilai Universal

Nilai universal memainkan peranan yang amat signifikan dalam pembentukan keperibadian dan sahsiah murid, khususnya dalam konteks pendidikan moden yang berdepan dengan cabaran globalisasi dan kepelbagaian budaya. Nilai seperti hormat menghormati, tanggungjawab, kejujuran, empati dan kesederhanaan bukan sekadar prinsip moral, tetapi merupakan asas kepada perkembangan akhlak dan tingkah laku yang positif. Penerapan nilai ini sejak di bangku sekolah membantu melahirkan pelajar yang memiliki identiti moral yang kukuh serta mampu berinteraksi secara matang



dalam persekitaran sosial. Seperti yang ditegaskan oleh Schwartz (2012), nilai universal ialah prinsip asas yang diterima merentas budaya dan berfungsi sebagai panduan kepada tingkah laku manusia. Justeru, pemahaman terhadap nilai ini menjadi elemen teras dalam pembangunan sahsiah pelajar.

Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, nilai universal turut berperanan sebagai mekanisme sosial yang menyumbang kepada keharmonian dan perpaduan. Nilai seperti toleransi, kesopanan dan kerjasama bukan sahaja memperkuat hubungan interpersonal, tetapi juga menjadi landasan kepada perpaduan nasional. UNESCO (2015) menekankan bahawa nilai universal berfungsi sebagai asas kestabilan sosial kerana ia mendorong pelajar untuk belajar hidup bersama secara harmoni walaupun berbeza latar belakang budaya dan agama. Hal ini menunjukkan bahawa penguasaan nilai universal bukan sekadar membentuk individu yang berakhlak, tetapi juga melahirkan generasi yang berfikiran terbuka serta bersedia membina hubungan antara budaya yang positif.

Selain itu, nilai universal berperanan sebagai panduan dalam membuat keputusan yang bijak dan beretika. Pelajar yang memahami konsep moral dan tanggungjawab akan lebih cenderung mempertimbangkan implikasi tindakan mereka terhadap orang lain. Menurut Kohlberg (1981), perkembangan moral seseorang dipengaruhi oleh penerapan nilai yang jelas dalam persekitaran pendidikan. Oleh itu, penerapan nilai secara konsisten dalam pengajaran dapat mengembangkan keupayaan pelajar menilai situasi dengan lebih kritis, rasional dan bermoral.





Penerapan nilai universal juga selari dengan usaha pembangunan modal insan negara. Kementerian Pendidikan Malaysia (2017) menegaskan bahawa elemen nilai dan etika merupakan komponen utama dalam pembentukan pelajar yang seimbang dari segi kognitif, afektif dan psikomotor. Nilai ini menyokong visi pendidikan untuk melahirkan pelajar yang berintelektual, beradab dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga serta masyarakat. Generasi yang mengamalkan nilai universal secara konsisten akan menjadi aset penting kepada kemajuan negara kerana mereka bukan sahaja berfungsi sebagai tenaga kerja berkemahiran, tetapi juga sebagai warga yang berintegriti dan beretika.

Akhirnya dapat ditegaskan bahawa nilai universal merupakan aspek kritikal dalam pendidikan kerana ia bukan sahaja mengawal tingkah laku pelajar, tetapi juga membentuk identiti, integriti dan keupayaan mereka untuk berfungsi dalam masyarakat yang kompleks. Keupayaan pelajar memahami dan mengamalkan nilai ini akan memberi kesan berpanjangan terhadap perkembangan sosial, intelektual dan emosi mereka. Oleh itu, usaha menerapkan nilai universal melalui kurikulum, buku teks dan strategi pembelajaran adalah pendekatan yang relevan dan berkesan dalam mencapai matlamat pembinaan modal insan yang berkualiti serta berdaya saing di peringkat global.

Oleh itu, peranan buku teks Bahasa Tamil sebagai medium pendidikan nilai universal perlu dilihat dalam kesinambungan dengan latar belakang kajian ini, kerana





ia bukan sahaja menyokong pelaksanaan kurikulum, tetapi juga menjadi wahana utama untuk menerapkan nilai sejagat melalui komponen sastera klasik seperti *Ceyyul Mozhiyani*. Hubungan ini menegaskan bahawa kajian terhadap buku teks Bahasa Tamil amat signifikan dalam memahami bagaimana nilai universal dapat diintegrasikan secara berkesan dalam PdP di sekolah menengah.

1.2.2 Penerapan nilai Universal dalam PdP di sekolah

Penerapan nilai universal dalam PdP merupakan keutamaan sistem pendidikan Malaysia kerana ia selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembentukan insan berakhlak, bertanggungjawab dan mampu hidup harmoni dalam masyarakat majmuk (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Nilai seperti hormat, toleransi, kasih sayang, kejujuran dan kerjasama disepadukan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) melalui Standard Kandungan dan Standard Pembelajaran yang mengutamakan pendidikan abad ke-21 (KPM, 2017).

Guru memainkan peranan penting dalam menerapkan nilai melalui strategi pengajaran seperti pembelajaran koperatif, perbincangan reflektif dan tugas projek. Pendekatan ini menyokong pandangan Lickona (1991) bahawa nilai lebih berkesan dipelajari melalui penglibatan aktif murid. Di samping itu, interaksi guru–murid dan budaya sekolah yang positif membantu murid membina kematangan moral dan sosial (Narvaez & Lapsley, 2016).



Namun, penerapan nilai universal sering berdepan cabaran seperti kekangan masa PdP, beban kurikulum, serta tahap kesediaan guru dalam mengintegrasikan nilai secara konsisten (Nordin & Hashim, 2020). Oleh itu, kajian ini penting bagi meneliti kaedah penerapan nilai, keberkesanan PdP, dan cabaran di peringkat sekolah. Dalam konteks pendidikan Bahasa Tamil, teks klasik seperti *Ceyyul* mempunyai potensi besar sebagai medium penyampaian nilai universal kerana kandungannya sarat dengan ajaran moral, falsafah hidup, dan panduan etika yang merentas zaman. Justeru, kesinambungan antara buku teks Bahasa Tamil dan penerapan nilai universal melalui *Ceyyul* perlu diteliti secara mendalam agar dapat menyumbang kepada pembentukan sahsiah pelajar yang seimbang serta menyokong matlamat pendidikan kebangsaan.

1.2.3 *Ceyyul Mozhiyani* dalam DSKP Bahasa Tamil

Ceyyul Mozhiyani merupakan komponen penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah, khususnya melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP). Dalam tradisi sastera Tamil, *Ceyyul* ialah *Ceyyul* klasik yang sarat dengan nilai moral, falsafah kehidupan dan pemikiran etika masyarakat. Justeru, penyepaduan *Ceyyul* Mozhiyani dalam DSKP bukan sahaja bertujuan memperkukuh kemahiran bahasa, tetapi juga memperkembangkan pembentukan sahsiah murid melalui nilai murni dan pemikiran mendalam yang terkandung dalam teks berkenaan.



DSKP Bahasa Tamil menekankan empat elemen utama, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis, di samping memberi perhatian kepada sastera sebagai wahana pembinaan nilai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). *Ceyyul* Mozhiyani termasuk dalam komponen sastera yang diolah bagi membantu murid memahami makna, mesej dan nilai universal yang terkandung dalam *Ceyyul* Tamil klasik. Elemen ini selari dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan pembentukan insan seimbang, berakhlak dan berbudaya melalui proses pendidikan holistik (KPM, 2019).

Melalui pengajaran *Ceyyul* Mozhiyani, murid didedahkan kepada nilai-nilai seperti kesederhanaan, kejujuran, kebijaksanaan, hormat kepada orang berilmu, hubungan manusia dengan alam serta tanggungjawab sosial. Penerapan nilai ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman estetik murid, tetapi juga membuka ruang untuk mereka mengaitkan mesej *Ceyyul* dengan realiti kehidupan moden. Hal ini selaras dengan pandangan sasterawan Tamil seperti A.K. Ramanujan (1999), yang menegaskan bahawa *Ceyyul* klasik berfungsi sebagai medium pelestarian budaya dan pembentukan minda generasi muda.

Secara konklusif, penyepaduan *Ceyyul* Mozhiyani dalam buku teks Bahasa Tamil bukan sahaja memperkukuh penguasaan bahasa dan apresiasi sastera, tetapi juga berfungsi sebagai wahana pendidikan nilai yang relevan dengan konteks masyarakat majmuk Malaysia. Kandungan *Ceyyul* klasik yang dimuatkan dalam buku teks memberi peluang kepada murid untuk meneliti mesej moral, mengaitkan nilai sejagat



dengan kehidupan seharian, serta membina keupayaan berfikir secara kritis dan reflektif. Justeru, kajian terhadap penerapan nilai universal melalui *Ceyyul Mozhiyani* dalam buku teks Bahasa Tamil amat signifikan untuk menilai keberkesanan PdP serta menyumbang kepada usaha pembangunan modal insan yang seimbang dan berdaya saing.

1.2.4 Penggunaan Buku Teks Bahasa Tamil sebagai Medium Pendidikan Nilai

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, buku teks merupakan bahan rujukan standard yang paling penting dalam pelaksanaan kurikulum di sekolah rendah dan menengah. Buku teks berfungsi sebagai instrumen utama untuk memastikan keseragaman isi kandungan, menyokong keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP), serta membantu murid menguasai kemahiran bahasa dan pengetahuan secara menyeluruh (KPM, 2017). Selain itu, buku teks juga berperanan sebagai medium pendidikan nilai kerana kandungan yang disusun bukan sahaja menekankan aspek akademik, tetapi turut mengintegrasikan elemen moral, budaya dan sahsiah selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Buku teks Bahasa Tamil merupakan sumber utama dan paling penting dalam pelaksanaan PdP di sekolah rendah dan menengah. Justeru, penggunaannya memainkan peranan besar dalam memastikan matlamat Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) serta Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil dapat dicapai dengan berkesan. Buku teks ini mengandungi beberapa komponen untuk

mengembangkan kemahiran bahasa Tamil pelajar dalam enam aspek utama: mendengar, bertutur, membaca, menulis, tatabahasa (ilakkanam) dan *Ceyyul Mozhiyani*.

Buku teks Bahasa Tamil KSSM turut mengintegrasikan elemen budaya dan sastra Tamil dengan tujuan meningkatkan penguasaan bahasa serta kesedaran pelajar terhadap warisan budaya Tamil. Komponen *Ceyyul Mozhiyani* khususnya berfungsi sebagai wahana pendidikan nilai universal kerana *Ceyyul* klasik Tamil yang dimuatkan sarat dengan mesej moral, falsafah kehidupan dan panduan etika yang relevan dengan pembentukan sahsiah murid dalam masyarakat majmuk Malaysia. Dengan itu, buku teks Bahasa Tamil bukan sahaja menjadi medium pengajaran bahasa, tetapi juga instrumen penting dalam pembinaan identiti moral dan budaya pelajar. Komponen-

komponen buku teks Bahasa Tamil:-



Rajah 1.1 : Komponen Utama Buku Teks Bahasa Tamil



Kemahiran Mendengar dan Bertutur: Buku ini menyediakan aktiviti yang membantu pelajar memahami bahasa Tamil dengan lebih baik melalui komunikasi lisan. Aktiviti seperti perbincangan, dialog, dan pengucapan awam membolehkan pelajar berlatih berbicara dalam bahasa Tamil dengan betul dalam situasi harian.

Kemahiran Membaca: Buku teks ini mengandungi pelbagai teks seperti cerita pendek, Ceyyul, artikel, dan teks budaya yang bertujuan mengasah kemahiran membaca pelajar. Teks-teks ini membolehkan pelajar menganalisis dan memahami maklumat serta nilai yang terkandung dalam bahan bacaan tersebut.

Kemahiran Menulis: Buku teks ini juga memberikan latihan menulis dalam pelbagai bentuk, seperti karangan, surat rasmi, laporan, dan penulisan kreatif. Pelajar dilatih untuk menulis dengan menggunakan tatabahasa yang betul dan mengatur idea dengan jelas dalam penulisan mereka.

Tatabahasa Tamil: Buku teks ini memberi penekanan kepada penggunaan tatabahasa yang betul dalam bahasa Tamil. Pelajar diberi latihan untuk memahami dan mengaplikasikan struktur bahasa seperti kata nama, kata kerja, kata sifat, dan pembinaan ayat yang sesuai.

Ceyyul Mozhiyani Tamil: Buku ini memperkenalkan pelajar kepada karya sastera Tamil, termasuk Thirukkural, Palamozhi, Uvamaithodar, Inaimozhi, Iraiddaikalavi,



Marabuthodar dan Palvagai *Ceyyul*. Melalui kajian sastera, pelajar dapat mempelajari nilai budaya dan moral yang terkandung dalam karya-karya tersebut.

Aktiviti Pembelajaran Interaktif: Buku teks ini juga menyertakan aktiviti yang membolehkan pelajar terlibat secara aktif dalam pembelajaran bahasa Tamil. Aktiviti seperti perbincangan kumpulan, lakonan, dan permainan bahasa bertujuan menjadikan pembelajaran lebih menarik dan menyeronokkan.

Penggunaan Teknologi: Buku ini turut mencadangkan penggunaan teknologi, seperti aplikasi pembelajaran, video, dan sumber dalam talian, untuk memperkaya pengalaman pembelajaran bahasa Tamil. Ini membolehkan pelajar mengakses bahan tambahan yang membantu mereka dalam proses pembelajaran.

Sehubungan itu, kajian mengenai penggunaan buku teks Bahasa Tamil adalah penting untuk meneliti bagaimana nilai-nilai murni yang terkandung dalam *Ceyyul* dapat diterapkan secara berkesan melalui penggunaan buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah. Melalui analisis kandungan *Ceyyul* serta aktiviti-aktiviti PdP yang disediakan dalam buku teks, kajian ini berusaha mengenal pasti kaedah, strategi dan keberkesanan penyepaduan nilai murni dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



1.2.5 Hubungan *Ceyyul* dengan Nilai Universal

Ceyyul, sebagai salah satu bentuk *Ceyyul* klasik Tamil, memainkan peranan penting dalam pembinaan sahsiah dan pembudayaan nilai dalam kalangan masyarakat sejak berabad lamanya. Dalam konteks pendidikan moden, khususnya pembelajaran Bahasa Tamil di sekolah menengah, *Ceyyul* bukan sahaja berfungsi sebagai bahan sastera, tetapi juga sebagai instrumen pedagogi yang menyampaikan nilai universal secara tersirat dan tersurat. Nilai universal merujuk kepada nilai moral yang diterima secara meluas oleh masyarakat global seperti kasih sayang, hormat, bertanggungjawab, kejujuran, empati, keberanian dan kerajinan. Nilai-nilai ini juga menjadi asas dalam mata pelajaran Pendidikan Moral KSSM. Oleh itu, mengkaji hubungan antara *Ceyyul* dan nilai universal amat signifikan dalam memahami bagaimana teks klasik Tamil menyumbang kepada pembangunan moral pelajar masa kini.

Secara tradisinya, *Ceyyul* mengangkat persoalan kemanusiaan yang bersifat sejagat. Unsur emosi, hubungan sosial, pengorbanan, dan pemerhatian terhadap alam yang terkandung dalam *Ceyyul* ini tidak terikat kepada satu budaya, sebaliknya merentasi ruang dan masa. Menurut Rajendra (2018), *Ceyyul* merupakan medium pendidikan moral yang berkesan kerana mesejnya disampaikan dalam bentuk naratif puitis yang dekat dengan kehidupan manusia. Ajaran moral yang ditekankan melalui *Ceyyul* seperti ihsan, belas kasihan, kewajipan terhadap keluarga, dan hubungan harmonis antara manusia dengan alam juga selari dengan nilai universal yang





ditekankan dalam sistem pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018).

Dalam konteks buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah, pemilihan *Ceyyul* sebagai bahan pembelajaran membolehkan penerapan nilai berlaku secara holistik melalui pembacaan, penghayatan dan pentafsiran. Pelajar bukan sahaja membaca *Ceyyul*, tetapi juga dituntut untuk memahami makna tersirat, menghubungkannya dengan pengalaman kehidupan serta menilai tingkah laku moral yang digambarkan melalui rangkap *Ceyyul*. Melalui proses kognitif tersebut, nilai universal dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Menurut Subramaniam (2020), penggunaan teks sastra klasik seperti *Ceyyul* meningkatkan keupayaan pelajar untuk melakukan refleksi moral dan membangunkan empati.



Selain itu, *Ceyyul* turut menyampaikan nilai universal melalui penggunaan metafora, simbolisme dan perbandingan yang kaya dengan unsur alam. Alam dalam *Ceyyul* bukan sekadar latar, tetapi mewakili konsep moral tertentu. Gunung melambangkan keteguhan prinsip, laut melambangkan keluasan ilmu dan kebijaksanaan, lebah melambangkan kerajinan serta amanah, manakala bunga menjadi simbol kelembutan dan kasih sayang. Penggunaan imejan alam ini bertepatan dengan nilai kemanusiaan dan kelestarian yang dituntut dalam pendidikan abad ke-21. Menurut Nadarajan (2017), hubungan manusia dengan alam yang digambarkan dalam teks Tamil klasik mencerminkan falsafah hidup beretika, seimbang dan bertanggungjawab.





Nilai universal dalam *Ceyyul* tidak disampaikan secara mengarah atau bersifat khutbah; sebaliknya ia dibina melalui penceritaan, tindakan watak, serta gambaran situasi yang dapat dihayati pelajar. Hal ini menjadikan proses internalisasi nilai lebih mendalam dan berkesan. Seperti yang dijelaskan oleh Krishnan (2021), pelajar lebih mudah menghayati nilai apabila nilai tersebut disampaikan melalui naratif dan emosi, berbanding dengan pengajaran moral secara langsung. Oleh itu, *Ceyyul* menawarkan pengalaman pembelajaran yang berkesan kerana ia menggabungkan estetika bahasa, pemikiran kritis, dan penghayatan nilai dalam satu medium pembelajaran.

Hubungan antara *Ceyyul* dan nilai universal adalah amat signifikan dalam konteks pendidikan bahasa dan moral masa kini. Penggunaan *Ceyyul* dalam buku teks Bahasa Tamil bukan sahaja memperkaya pengetahuan sastera pelajar, tetapi juga menjadi medium berkesan dalam membangunkan nilai moral sejagat yang diperlukan dalam pembentukan insan seimbang. Melalui estetika bahasa, imejan alam, dan mesej kemanusiaan yang terkandung dalam *Ceyyul*, nilai universal dapat diterapkan secara berkesan dalam proses pembelajaran, selaras dengan matlamat kurikulum KSSM dalam melahirkan pelajar yang beretika, berfikir kritis dan berperanan positif dalam masyarakat.

Oleh itu, peranan buku teks Bahasa Tamil sebagai medium pendidikan nilai universal perlu dilihat dalam kesinambungan dengan latar belakang kajian ini, kerana ia bukan sahaja menyokong pelaksanaan kurikulum, tetapi juga menjadi wahana utama untuk menerapkan nilai sejagat melalui komponen sastera klasik seperti *Ceyyul*





Mozhiyani. Hubungan ini menegaskan bahawa kajian terhadap buku teks Bahasa Tamil amat signifikan dalam memahami bagaimana nilai universal dapat diintegrasikan secara berkesan dalam PdP di sekolah menengah.

1.3 Pernyataan Masalah

Buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah telah memasukkan *Ceyyul* sebagai komponen sastera dengan tujuan menyemai nilai murni dalam diri murid. Namun, keberkesanan penerapan nilai melalui proses PdP masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Hal ini berlaku kerana pengajaran sering lebih menekankan aspek kefahaman teks berbanding penghayatan nilai yang terkandung di dalamnya. Kajian terdahulu turut menegaskan bahawa nilai moral hanya dapat diserap secara berkesan apabila PdP dilaksanakan melalui pendekatan yang terancang, interaktif dan berfokus kepada pembentukan sahsiah (Lickona, 1991).

Dalam konteks pendidikan moden, murid cenderung memahami kandungan secara literal tanpa mengaitkannya dengan dimensi nilai yang tersirat dalam *Ceyyul*. Akibatnya, objektif sebenar pengajaran *Ceyyul* untuk membentuk peribadi beretika dan berjati diri tidak tercapai sepenuhnya. Keadaan ini semakin ketara apabila guru kurang menggunakan strategi berpusatkan nilai atau bahan pengayaan yang dapat membantu murid menafsir nilai universal dalam *Ceyyul* tradisional Tamil (Nordin & Hashim, 2020).





Kajian antarabangsa turut menekankan bahawa pendidikan nilai perlu dirancang secara sistematik agar murid benar-benar dapat mengaitkan nilai dengan kehidupan sebenar. Menurut Gabatbat dan Santander (2021), pendidikan berasaskan nilai hanya berkesan apabila nilai diajarkan secara eksplisit, dibincangkan, direfleksi dan diamalkan dalam PdP. Tanpa proses pengajaran yang terarah, murid sukar memupuk nilai seperti disiplin, hormat, kejujuran, tanggungjawab dan empati.

Dalam konteks buku teks Bahasa Tamil, masih terdapat kekurangan kajian yang meneliti bagaimana nilai murni dalam *Ceyyul* diterapkan secara sistematik, teknik PdP yang digunakan guru, serta sejauh mana murid benar-benar menghayati nilai tersebut. Jurang pengetahuan ini menimbulkan persoalan yang perlu dirungkai. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis penerapan nilai murni *Ceyyul* melalui buku teks Bahasa Tamil, mengenal pasti cabaran guru, serta menilai keberkesanan PdP dalam membentuk sahsiah murid yang beretika dan berjati diri.

Masalah yang dikenal pasti berkaitan dengan penerapan nilai universal melalui buku teks Bahasa Tamil menegaskan keperluan kajian yang lebih mendalam. Walaupun *Ceyyul* telah dimasukkan sebagai komponen sastera dengan tujuan menyemai nilai murni, masih terdapat persoalan tentang sejauh mana nilai universal benar-benar dihayati oleh murid dan bagaimana buku teks berfungsi sebagai medium yang berkesan untuk tujuan tersebut.





Sehubungan itu, kajian ini digerakkan dengan objektif untuk meneliti peranan buku teks Bahasa Tamil dalam menyampaikan nilai universal melalui komponen *Ceyyul*, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan penerapan nilai tersebut, serta menilai keberkesanan buku teks sebagai wahana pendidikan nilai dalam konteks sekolah menengah Malaysia.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif khusus dalam kajian ini yang hendaak dicapai. Antaranya ialah:-

- i. Menenalpasti nilai universal yang terdapat dalam *Ceyyul* DSKP Bahasa



- ii. Menganalisis cara penerapan nilai universal melalui *Ceyyul* dalam Buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan masalah yang telah dibincangkan, kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menjawab dua persoalan kajian iaitu:-

- i. Apakah nilai universal yang terdapat dalam *Ceyyul* DSKP Bahasa Tamil




sekolah menengah?

- ii. Apakah cara penerapan nilai universal melalui *Ceyyul* dalam Buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian ini dibentuk untuk menjelaskan hubungan antara nilai universal dan *Ceyyul* dalam buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah. Kerangka ini selaras dengan pandangan Lickona (1991) yang menegaskan bahawa pendidikan nilai perlu dilaksanakan secara sistematik dan berfokus, serta Nordin dan Hashim (2020) yang menekankan peranan teks sastera sebagai medium penerapan nilai. Dengan itu, kerangka ini menunjukkan aliran kajian daripada pengenalanpastian nilai universal dalam *Ceyyul* kepada analisis penerapan nilai tersebut melalui buku teks, seterusnya menghasilkan dapatan yang menyumbang kepada pembentukan sahsiah pelajar.



Rajah 1.2 : Kerangka Konseptual Kajian Analisis Penerapan Nilai Universal *Ceyyul* Melalui Buku Teks Bahasa Tamil Sekolah Menengah

Kerangka konseptual kajian ini dibina bagi menggambarkan hubungan antara komponen utama yang menjadi fokus penyelidikan, iaitu nilai universal, *Ceyyul*, dan buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah. Berdasarkan objektif kajian, kerangka ini menunjukkan aliran logik bermula daripada sumber nilai (input), proses analisis, dan akhirnya dapatan kajian (output). Melalui pendekatan ini, kajian dapat dijalankan secara lebih terarah dan sistematik, selaras dengan matlamat untuk menilai potensi buku teks sebagai medium pendidikan nilai dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Kerangka konseptual ini bukan sekadar menunjukkan aliran kajian daripada pengenaltian nilai universal dalam *Ceyyul* kepada analisis penerapannya melalui buku teks, tetapi juga menekankan mengapa kajian ini penting. Dengan adanya kerangka yang jelas, penyelidikan dapat dijalankan secara lebih teratur dan mendalam, sekali gus memperlihatkan peranan buku teks Bahasa Tamil sebagai medium yang mampu menyemai nilai universal dalam diri pelajar. Hal ini menjadikan kajian ini relevan bukan sahaja dari sudut akademik, tetapi juga dari segi sumbangannya terhadap pembentukan sahsiah dan jati diri generasi muda.

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini amat penting kerana ia menekankan penerapan nilai murni melalui *Ceyyul* dalam buku teks Bahasa Tamil, yang merupakan salah satu medium utama dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sekolah. Penerapan nilai dalam pendidikan bukan sahaja membina penguasaan akademik murid, tetapi juga membentuk sahsiah yang seimbang, termasuk aspek moral, sosial dan emosi. Dari sudut pendidikan, kajian ini dapat membantu guru merancang dan melaksanakan PdP yang berkesan, di mana murid tidak hanya belajar bahasa dan sastera, tetapi juga menghayati nilai-nilai universal seperti kasih sayang, hormat-menghormati, tanggungjawab, disiplin, kejujuran dan kerjasama, sejajar dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.



Dari perspektif kurikulum, dapatan kajian ini dapat memberi maklumat berguna bagi meningkatkan penggunaan buku teks sebagai sumber pembelajaran yang menyeluruh, sekaligus memastikan nilai Universal disampaikan dengan jelas dan sistematik. Kajian ini juga bermanfaat kepada guru dengan menyediakan panduan dan strategi pengajaran yang sesuai, termasuk teknik pengajaran interaktif dan aktiviti reflektif yang dapat meningkatkan penghayatan murid terhadap nilai *Ceyyul*.

Selain itu, murid pula akan memperoleh manfaat secara langsung melalui peningkatan kesedaran moral, kemahiran sosial, dan sikap positif dalam kehidupan seharian. Murid akan lebih mampu menghargai nilai-nilai kemanusiaan, memupuk rasa empati, serta mengamalkan tanggungjawab terhadap diri sendiri dan masyarakat. Secara keseluruhan, kajian ini bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan sahsiah murid, tetapi juga memperkayakan literatur akademik dalam bidang pendidikan Bahasa Tamil dan pendidikan nilai, serta menjadi asas untuk kajian lanjutan mengenai strategi dan keberkesanan penerapan nilai melalui bahan teks di sekolah.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan yang perlu diperjelaskan untuk memberikan fokus yang jelas. Pertama, kajian ini berfokus kepada buku teks Bahasa Tamil di peringkat sekolah menengah, khususnya buku teks yang digunakan dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Hal ini bermakna kajian tidak merangkumi





bahan pengajaran lain seperti modul tambahan, buku kerja, atau sumber digital yang digunakan dalam PdP Bahasa Tamil.

Kedua, kajian ini memberi tumpuan kepada penerapan nilai universal yang terdapat dalam matapelajaran Pendidikan Moral melalui *Ceyyul*, dan tidak menilai aspek penguasaan bahasa atau kandungan sastera lain secara menyeluruh. Dengan batasan ini, kajian dapat menumpukan analisis kepada bagaimana nilai-nilai universal dalam *Ceyyul* dapat diterapkan melalui buku teks, sekali gus membolehkan dapatan kajian menjadi lebih mendalam dan terperinci. Sehubungan itu, KSSM telah meneliti dengan lebih teliti serta memilih 13 buah *Palvagai Ceyyul* bagi meningkatkan kemahiran kesusasteraan Tamil dalam kalangan pelajar. Senarai *Ceyyul* tersebut adalah seperti berikut:



Jadual 1.1

Senarai Palvagai Ceyyul dalam DSKP Bahasa Tamil

Tajuk <i>Ceyyul</i>	<i>Palvagai Ceyyul</i>
Tingkatan 1	
Mūturai (Auvaiyār)	Maṇṇaṇum Mācarak Kaṛṛōṇum Cīrtūkkiṇ Maṇṇaṇiṇ Kaṛṛō Cīrapputaiyaṇ – Maṇṇarkut Taṇtēcam Allōl Cīrappillai Kaṛṛōrkuc Ceṇṇa Iṭamellām Cīrappu.
Tirumuṛai (Tirunāvukkaracar)	Viṛakil Tīyiṇaṇ Pālil Paṭuneypōl Maṛaiya Niṇṇuḷaṇ Māmaṇic Cōtiyāṇ





	Uṛavu Kōlnaṭṭu Uṇarvu Kayirṛiṇāl Muṛuka Vāṅkik Kaṭaiyamuṇ Nirṅumē.
Tingkatan 2	
Nālaṭiyār (Camaṇa Muṇivar)	Periyavar Kēṇmai Piṛaipōla Nālum Varicai Varicaiyā Nattum - Varicaiyāl Vāṇūr Matiyampōl Vaikalum Tēyumē Tāṇē Ciṛiyār Toṭarpu.
Nālāyirat Tivviyappirapantam (Poykaiyālṽr)	Vaiyam Takaliyā Vārkaṭalē Neyyāka Veyya Katirōṇ Viḷakkākac - Ceyya Cuṭar Āliyāṇ Aṭikkē Cūṭṭiṇēṇ Colmālai Iṭar'ālī Niṅkukavē Eṇru.
Tingkatan 3	
Aṛanericcāram (Muṇaippāṭiyār)	Eppirappāyiṇum Ēmāp Poruvaṛku Makkaṭṭirappil Piṛitillai - Appirappil Kaṛṛalum, Kaṛṛavai Kēṭṭalum, Kēṭṭataṅkaṇ Nirṛalum Kūṭap Perin.
Tiruvaruṭpā (Irāmaliṅka Aṭikaḷ)	Orumaiyuṭaṇ Niṇatu Tirumalaraṭi Niṇaikkiṇra Uttamartam Uṛavu Vēṇṭum Uḷḷonru Vaittup Puṛamponru Pēcuvār Uṛavu Kalavāmai Vēṇṭum Perumaiperum Niṇatu Pukaḷ Pēcavēṇṭum Poymai Pēcā Tirukka Vēṇṭum.
Tingkatan 4	
Vivēka Cintamāṇi (Puttikkūrmai)	Puttimāṇ Palavā Nāvāṇ Palamuḷāṇ Putti Yarṛāl, Ettanai Vitatti Nālu Miṭaratu Vantē Tīrum, Maṛṛoru Ciṅkan Taṇṇai Kuṛumuyal Kūṭṭic Ceṇṛē, Uṛratōr Kiṇarṛiṇ Cāyal Kāṭṭiya Uvamai Pōlām.





Naḷavenpā (Pukaḷēntip Pulavar) (Naḷanatu Nallāṭci)	Cīta Matikkuṭaikkīlc Cem'mai Araṅkiṭappat Tātavilpūn Tārāṇ Taṇikkāttāṇ -Mātar Aruṅkūṭṭum Painḱiḷiyum Āṭarparuntum Oru Kūṭṭil Vāḷa Ulaku.
Kuruntokai (Tēvakulattār) (Aṇṇiṇ Perumai)	Nilattiṇum Peritē; Vāṇiṇum Uyarntaṇru; Nīriṇum Ār Aḷaviṇrē- Cāral Karun Kōr Kuṛiṇcip Pūk Koṇṭu, Peruntēṇ Iḷaikkum Nāṭaṇoṭu Naṭpē.
Cilappatikāram (Iḷaṅkōvaṭikal) (Karput Teyvam)	Enṇoṭu Pōnta Iḷaṅkoṭi Naṅkaiṭaṇ Vaṇṇac Cīraṭi Maṇmakal Arintilaḷ; Kaṭuṅkatir Vem'maiyil Kātalaṇ Taṇakku Naṭuṅkutuyar Eyti, Nāppulara Vāṭit Taṇtuyar Kāṇāt Takaicāl Pūṅkoṭi; Iṇtuṇai Makalirḱku Iṇri Yamaiyāk Karṇuk Kaṭampūṇṭa Itteyvam Allatu Porṇuṭait Teyvam Yāṁkaṇ Ṭilamāl
Tingkatan 5	
Kampa Irāmāyaṇam (Kampar) (Iyaṅkai Iṇṇam)	Kuyiliṇam Vatuvaḱ Ceyya, Komṇiṭaik Kuṇikkum Maṇṇai Ayilviḷi Makalir Āṭum Araṅkiṇukku Aḷaku Ceyya, Payil Cīrai Araca Aṇṇam Paṇmalar Paḷḷi Niṇrum Tuyileḷa, Tumpi Kālaic Cevvaḷi Muralva Cōlai.
Puraṇāṇūru (Kaṇiyaṇ Pūṅkuṇraṇār) (Periyōr Cīriyōr)	Yātum Ūrē; Yāvarum Kēḷir; Tītum Naṇrum Piṛartara Vārā; Nōtalum Taṇitalum Avarrō Raṇṇa; Cātalum Putuvatu Aṇrē; Vāḷtal Iṇitu'eṇa Makilṇtaṇrum Iḷamē; Muṇiviṇ, Iṇṇā Tenralum Iḷamē; 'Minṇoṭu Vāṇam Taṇtuḷi Talai'i, Āṇātu Kalporutu Iraṅkum Mallar Pēryārru



	Nīrvalip Paṭū'um Puṇaipōl, Āruiyir Muraivalip Paṭū'um' Enṇpatu Tīravōr Kāṭciyiḷ Teḷintaṇam Ākaliṇ, Māṭciyiṇ Periyōrai Viyattalum Ilamē; Cīriyōrai Ikaḷtal Ataṇiṇum Ilamē.
Tolkāppiyam (Tolkāppiyar) (Uyirkaḷiṇ Pakuppum Cīrappum Marapum)	Onṇrari Vatuvē Urrari Vatuvē Iranṭari Vatuvē Ataṇoṭu Nāvē Mūṇrari Vatuvē Avarroṭu Mūkkē Nāṇkari Vatuvē Avarroṭu Kaṇṇē Aintari Vatuvē Avarroṭu Ceviyē Ārari Vatuvē Avarroṭu Maṇaṇē Nēritiṇ Uṇarntōr Nerippaṭut Tiṇarē.

Pemilihan 13 buah *Palvagai Ceyyul* dalam buku teks Bahasa Tamil KSSM

bukan sahaja bertujuan memperkukuh kemahiran kesusasteraan Tamil, tetapi juga menjadi asas penting kepada kajian ini. Melalui analisis terhadap kandungan *Ceyyul* yang dipilih, kajian ini berusaha meneliti bagaimana nilai universal dapat diterapkan secara sistematik melalui buku teks, serta menilai keberkesanan peranan sastera klasik Tamil dalam membentuk sahsiah pelajar sekolah menengah.

Selain daripada *Ceyyul*, kajian ini turut dibatasi kepada aspek nilai universal. Nilai universal yang dijadikan rujukan diambil daripada 18 nilai yang diajar dalam mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah menengah. Senarai nilai tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 1.2

Senarai Nilai Universal dalam DSKP Pendidikan Moral

Bil.	Nilai Universal	Bil.	Nilai Universal
1.	Kepercayaan Kepada Tuhan	10.	Kerajinan
2.	Baik Hati	11.	Kerjasama
3.	Bertanggungjawab	12.	Kesederhanaan
4.	Berterima Kasih	13.	Toleransi
5.	Hemah Tinggi	14.	Berdikari
6.	Hormat	15.	Harga Diri
7.	Kasih Sayang	16.	Kebebasan
8.	Keberanian	17.	Patriotisme
9.	Kejujuran	18.	Rasional

Secara keseluruhannya, batasan kajian ini telah ditetapkan bagi memastikan fokus analisis lebih jelas dan terarah. Dengan menumpukan kepada buku teks Bahasa Tamil KSSM di peringkat sekolah menengah, kajian ini dapat meneliti secara mendalam pemilihan 13 Palvagai *Ceyyul* yang menjadi teras pengajaran kesusasteraan Tamil. Batasan ini membolehkan kajian menilai bagaimana kandungan sastera klasik tersebut berfungsi sebagai medium penerapan 18 nilai universal Pendidikan Moral, tanpa melibatkan aspek penguasaan bahasa atau bahan pengajaran tambahan. Justeru, kajian ini bukan sahaja menghubungkan teks klasik Tamil dengan pendidikan nilai, tetapi juga menilai keberkesanan buku teks sebagai wahana pembentukan sahsiah pelajar. Dengan penetapan batasan yang jelas, dapatan kajian diharapkan dapat memberikan sumbangan yang lebih signifikan kepada bidang pendidikan nilai dan kesusasteraan Tamil dalam konteks sekolah menengah Malaysia.



1.9 Sumber kajian

Kajian ini berasaskan kepada dua kategori sumber utama, iaitu sumber primer dan sumber sekunder, yang saling melengkapi dalam membentuk asas penyelidikan.

Sumber primer terdiri daripada dokumen rasmi Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Tamil, khususnya Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP), serta buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. Fokus utama diberikan kepada 13 buah *Palvagai Ceyyul* yang telah dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia sebagai komponen sastera dalam buku teks. Selain itu, kajian ini turut menggunakan 18 nilai universal yang digariskan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral sekolah menengah sebagai kerangka rujukan untuk menilai kandungan *Ceyyul*. Sumber primer ini penting kerana ia mencerminkan bahan rasmi yang digunakan secara langsung oleh pelajar dalam proses pembelajaran.

Sumber sekunder pula merangkumi kajian lepas, artikel jurnal, buku akademik, dan teori pendidikan nilai serta sastera. Antaranya termasuk pandangan Lickona (1991) yang menekankan kepentingan pendidikan karakter, Rajendra (2018) yang menyorot peranan *Ceyyul* sebagai medium pendidikan moral, dan Subramaniam (2020) yang menekankan nilai reflektif dalam teks klasik Tamil. Sumber sekunder ini berfungsi sebagai sokongan teori dan perbandingan kritis, sekali gus memperkukuh hujah kajian dengan perspektif akademik yang lebih luas.





Dengan gabungan kedua-dua sumber ini, kajian dapat dijalankan secara lebih sistematik dan mendalam. Sumber primer menyediakan asas data yang konkrit, manakala sumber sekunder memperkayakan analisis dengan pandangan ilmiah dan teori yang relevan. Hal ini menjadikan kajian bukan sahaja sah dari sudut akademik, tetapi juga bermakna dalam usaha memahami peranan buku teks Bahasa Tamil sebagai medium penerapan nilai universal dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

1.10 Definisi Istilah

Bahagian ini bertujuan untuk memberikan definisi operasional istilah-istilah penting yang menjadi fokus kajian, agar tidak timbul kekeliruan semasa pembacaan dan analisis. Dalam konteks kajian ini, istilah seperti “nilai universal”, “*Ceyyul*”, “penerapan nilai”, dan “buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah” dijelaskan secara khusus supaya ia selaras dengan objektif kajian iaitu menganalisis cara penerapan nilai universal melalui *Ceyyul* dalam buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah.

1.10.1 Nilai Universal

Berdasarkan Kamus Dewan (2007), “nilai” ditakrifkan sebagai sifat atau kualiti sesuatu yang dianggap baik, penting atau berguna. Nilai universal pula merujuk kepada sifat atau prinsip yang diterima secara meluas dan diterapkan dalam kehidupan manusia,





seperti kejujuran, hormat, kasih sayang, dan tanggungjawab. Dalam konteks Pendidikan Moral sekolah menengah, terdapat 18 nilai universal yang dijadikan asas pembentukan sahsiah pelajar, iaitu kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, bertanggungjawab, berterima kasih, hormat, kasih sayang, kejujuran, toleransi, kerjasama, kesederhanaan, kebebasan, keberanian, rasional, hemah tinggi, berdikari, kerajinan, patriotism dan rasional.

Kesemua 18 nilai universal ini menjadi kerangka rujukan utama dalam kajian, kerana ia bukan sahaja mencerminkan prinsip moral yang diterima secara meluas dalam masyarakat Malaysia, tetapi juga berfungsi sebagai panduan untuk menilai kandungan *Ceyyul* dalam buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah. Dengan mengaitkan nilai universal yang digariskan dalam Pendidikan Moral kepada analisis *Ceyyul*, kajian ini dapat memperlihatkan bagaimana buku teks berperanan sebagai medium yang menyemai nilai murni dan membentuk sahsiah pelajar secara lebih sistematik.

1.10.2 *Ceyyul*

Mengikut Kriyavin Tarkala Tamil Akarati (2008), *Ceyyul* ditakrifkan sebagai sajak atau *Ceyyul* yang mengikuti peraturan persajakan. *Ceyyul* merujuk kepada bentuk *Ceyyul* tradisional Tamil yang sarat dengan nilai moral, etika, dan sosial. Dalam konteks pendidikan, *Ceyyul* digunakan sebagai medium untuk menyampaikan nilai murni melalui buku teks sekolah menengah. Hal ini selaras dengan Dokumen Standard





Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil yang menekankan penerapan nilai universal melalui komponen sastera, khususnya 13 buah Palvagai *Ceyyul* yang dipilih sebagai bahan utama dalam buku teks KSSM. Justeru, kajian ini meneliti bagaimana nilai-nilai tersebut dikenalpasti dan diterapkan melalui *Ceyyul*, sekali gus memperlihatkan peranan buku teks Bahasa Tamil sebagai wahana pembentukan sahsiah dan jati diri generasi muda.

1.10.3 Buku Teks Bahasa Tamil Sekolah Menengah

Buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah ialah bahan rujukan utama yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk digunakan dalam bilik darjah. Ia berfungsi sebagai panduan pengajaran dan pembelajaran yang selaras dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Bahasa Tamil. Buku teks ini bukan sahaja mengandungi aspek bahasa, tatabahasa dan kemahiran komunikasi, tetapi turut menampilkan komponen sastera, khususnya *Ceyyul*, sebagai medium untuk menyampaikan nilai moral, etika dan sosial kepada pelajar.

Dalam konteks kajian ini, buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah menjadi sumber primer yang dianalisis bagi mengenalpasti dan menilai penerapan nilai universal melalui *Ceyyul*. Kajian ini melihat bagaimana 13 buah Palvagai *Ceyyul* yang dipilih dalam buku teks berfungsi sebagai wahana pendidikan nilai, selaras dengan 18 nilai universal yang digariskan dalam mata pelajaran Pendidikan Moral. Hubungan ini





penting kerana ia memperlihatkan peranan buku teks bukan sekadar sebagai bahan akademik, tetapi juga sebagai instrumen pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar.

Dengan itu, buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah menjadi titik temu antara kurikulum rasmi (DSKP), kandungan sastera tradisional (*Ceyyul*), dan nilai universal yang diterapkan dalam pendidikan moral. Kajian ini menekankan bahawa analisis terhadap buku teks dapat memberi gambaran jelas tentang bagaimana nilai murni disemai secara sistematik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah menengah.

1.11 Rumusan



Bab ini telah memperkenalkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, persoalan kajian, kepentingan serta sumber kajian. Fokus utama adalah meneliti bagaimana nilai universal dapat dikenalpasti dan diterapkan melalui *Ceyyul* dalam buku teks Bahasa Tamil sekolah menengah. Nilai universal yang digariskan dalam Pendidikan Moral menjadi kerangka rujukan, manakala *Ceyyul* berfungsi sebagai medium penyampaian nilai murni dalam kurikulum. Secara keseluruhannya, Bab 1 menyediakan asas yang jelas dan teratur bagi kajian ini, dengan menekankan peranan buku teks bukan sahaja sebagai bahan akademik tetapi juga sebagai wahana pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar. Rumusan ini menjadi jambatan kepada bab-bab seterusnya yang akan memperincikan sorotan kajian lepas, metodologi, analisis dan perbincangan dapatan.

